

Tujuan Projek Inovasi

Tujuan projek inovasi ini dihasilkan adalah untuk menyelesaikan masalah beban kerja yang di hadapi oleh operator-operator pam ketika menjalankan tugas. Aduan kes kerosakan dan kesukaran kendalian

Pam bergerak oleh operator merupakan kes paling tinggi dan diklasifikasikan sebagai masalah utama untuk di selesaikan.

Projek yang dihasilkan ini telah mendapat sokongan dari ketua jabatan. Ianya mampu menaikkan imej jabatan dan dapat mengelak dari berlakunya kemerosotan hasil pertanian.

Projek ini juga dihasilkan sebagai menghargai cetusan idea-idea baru bagi menaikkan imej jabatan.

Proses Perlaksanaan Inovasi

Projek ini dihasilkan melalui cetusan idea ahli-ahli kumpulan dan direalisasikan oleh pihak kontraktor. Enjin jenis Yanmar 3 TN telah digunapakai bagi melaksanakan projek ini. Pemasangan system sensor pada enjin ini dipantau dan oleh ahli-ahli kumpulan di kompleks JPS BPME Sg Petani.

Elemenpenurunankuasa

Tenaga manusia dan bahan api operator boleh dijimatkan dengan penggunaan system ini.

Impak inovasi terhadap kumpulan sasaran/perkhidmatan/jabatan/agensi/Negara

Elemen Inovatif/Kreativiti

Dengan menggunakan sebuah enjin model Yanmar3 TN, system yang digunakan ini dipasang pada komponen-komponen enjin yang dapat member maklumat dan maklum balas pada telefon pintar sekiranya berlaku perubahan atau kerosakan pada enjin contohnya seperti enjin RPM, suhu air enjin, tekanan minyak, buka/tutup enjin dan tahap minyak/suhu. Parameter yang terdapat pada enjin pam bergerak ini telah diadaptasikan kepada system analog telefon pintar supaya ianya dapat memudahkan lagi kerja-kerj apenyelenggaraan pam bergerak. Penggunaan system wifi ini juga adalah secara percuma.

Elemen Keberkesanan

Sistem ini mampu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh operator-operator pam antaranya ialah :

1. Tenaga kerja yang terhad
2. Lokasi pam bergerak yang jauh
3. Pam bergerak dihidupkan secara manual (Engkol)
4. Permohonan bekalan air yang tidak menentu dari petani
5. Lokasi pam bergerak yang banyak.

Dengan menggunakan sistem **Remote Control Mobile Pump** (RCMP) ini operator pam bergerak Cuma perlu sekali sahaja ke tapak pam untuk mengisi minyak dan membuat pemeriksaan berkala. Aktiviti membekalkan air kepada pesawah berikutnya boleh dibuat di mana sahaja dalam lingkungan 5 km radius dari tapak pam bergerak. Sistem gelombang wifi ini dapat memainkan perannya dengan lebih jauh lagi sekiranya pusat akses yang terdapat pada pam bergerak tersebut dinaikkan lebih tinggi.

Gelombang yang terdapat di sekeliling tapak dapat dimanfaatkan. Sistem RCMP ini telah berjaya memerangkap gelombang tersebut untuk menghasilkan kuasa bagi kegunaan manusia. Penggunaan gelombang ini juga adalah secara percuma berbanding dengan agensi-agensi telekomunikasi yang lain yang mengenakan caj perkhidmatan yang tinggi.

Elemen Signifikan

Melalui pemerhatian yang dijalankan lima (5) masalah yang dihadapi oleh operator iaitu

1. Lokasi pam bergerak yang jauh
2. Tenaga kerja terhad
3. Laluan sukar ke lokasi pam bergerak
4. Pam bergerak dihidupkan secara manual

Dapat diselesaikan dan masalah-masalah bekalan air yang diminta oleh petani/pesawah dapat dipermudahkan.

Sistem ini juga dapat menjimatkan :

1. Antara pemasangan System Elektrik dan System Scada
2. Penjimatan kos tenaga, masa dan kos bahan api operator semasa kerja-kerja pengoperasian pam.

Sistem pemantauan dan pengoperasian ini dapat merialisasikan produk yang inovatif dan berkualiti. Ianya juga telah meningkatkan kreativiti melalui cetusan idea untuk menghasilkan inovasi. Ianya dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan jabatan dan dapat menaikan imej jabatan.

Elemen Relevan

Penambahbaikan yang lebih efisien dan terkini perlu dicari melalui tenaga baru yang boleh didapati melalui kuasa gelombang. Kuasa gelombang (wifi) yang sediaada perlulah dimanfaatkan bagi membantu mengisi keperluan manusia secara maksimum. Ianya merupakan satu bentuk tenaga baru yang boleh membantu memangkin pembangunan negara Malaysia.

Pengiktirafan diterima

Gambar Sebelum Pemasangan



Gambar Pam Bergerak 1




Gambar Engkol 2



Gam Pam Bergerak 3





Gambar manual (engkol) 4



Gambar para meter 5







abatan Pengairan Dan Saliran

Point Information

Change	Ack	Oil_Level
Name		Oil_Level
Descript		DI
Point Type		DIGITAL
Address		00001[0:1]
Comport		1
Device Name		A6051
Span High		1
Span Low		0
Value		HIGH

abatan Pengairan Dan Saliran

Oil_Level

Oil_Pressure

Power_Status

RPM

Status_start

Water_Temp